

Unit 1 Kepercayaan Kepada Tuhan

I. Amalan Ajaran Agama atau Kepercayaan Mengeratkan Hubungan Sesama Jiran.



Baca dan hayati perbualan.

Bavin, Amsyar dan Yu Zhe berjiran. Amsyar dan Yu Zhe pergi ke rumah Bavin untuk belajar bersama-sama. Mereka terdengar nyanyian "Thevaram".

1 Mak cik, apakah yang sedang dilakukan oleh Bavin?

2 Bavin sedang sembahyang. Dia menyanyikan lagu puji-pujian kepada Tuhan, iaitu "Thevaram" yang merupakan salah satu amalan agama Hindu.

3 Oh, begitu! Agama Islam juga ada seruan azan untuk menandakan masuknya waktu solat.



4 Bagi yang beragama Buddha, kami bermantera untuk menyucikan jiwa.

6 Bagusnya kamu berdua, sikap menghormati amalan agama jiran dapat menjadikan hubungan antara jiran bertambah erat.

5 Mak cik, kami akan duduk dengan senyapnya sebagai tanda hormat sementara menunggu Bavin.

Kenali Amalan Agama Jiran

Agama Islam



Masjid



Solat 5 waktu sehari



Membaca al-Quran



Berpuasa di bulan Ramadhan

Agama Kristian



Gereja



Pergi ke gereja



Membaca kitab Injil

Agama Buddha



Tokong



Membakar colok Ketika beribadat

Bermeditasi



Agama Hindu



Kuil



Beribadat di kuil



Menyanyikan lagu pujian kepada Tuhan



Menghias kolam di hadapan pintu masuk rumah.

Agama Sikh



Gurdwara



Bersembahyang di Gurdwara



Menutup kepala dengan turban ketika beribadat

Pilih jawapan yang betul untuk setiap situasi di bawah. Tulis jawapan di dalam petak yang disediakan.

- Memujuk Lina makan dan minum.
- Menghormati amalan agama yang dianuti oleh rakan kamu
- Tidak makan atau minum di hadapannya.
- Memperlekehkan penampilan rakan kamu.
- Mengejek amalan jiran.
- Mentertawakan amalan keagamaannya.
- Tidak memperlekehkan amalan jiran.
- Bersangka baik terhadap upacara keagamaan jiran.



1.
Lina, Shanti, dan Jeng Wei bersiar-siar di taman. Shantini dan Jeng Wei mempelawa Lina makan. Lina menolak kerana dia sedang berpuasa.




2.
Revati sedang menghias kolan di hadapan pintu masuk rumahnya.

3.



Sarjit Singh sentiasa bersanggul apabila ke mana-mana sahaja.

4.



Jiran kamu membakar colok